# Menjadi Kera dan Babi lantaran

# Senandung Syaitan

Ustaz Rasul bin Dahri

# MENJADI KERA DAN BABI LANTARAN SENANDUNG SYAITAN (Muzik, Lagu, Nyanyian Dan Nasyid)

Rasulullah *sallallahu 'alaihi wa-sallam* bersabda:

**لَيَكُوْنَنَّ مِنْ أُمَّتِيْ أَقْوَامٌ يَسْتَحِلُّوْنَ الْحِرَّ وَالْحَرِيْرَ وَالْخَمْرَ وَالْمَعَازِفَ ، وَلَيَنْزِلَنَّ أَقْوَامٌ إِلَى جَنْبِ عَلَمٍ يَرُوْحُ عَلَيْهِمْ بِسَارِحَةٍ لَهُمْ يَأْتِيْهِمْ لِحَاجَةٍ فَيَقُوْلُوْنَ : إِرْجِعْ إِلَيْنَا غَدًا ، فَيُبَيِّتُهُمُ اللهُ ، وَيَضَعُ الْعَلَمَ ، وَيَمْسَخُ آخَرِيْنَ قِرَدَةً وَخَنَازِيْرَ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ.**

***"Akan terjadi pada sebahagian umatku yang menghalalkan zina, sutera dan minuman yang memabukkan (khamar) serta alat-alat muzik. Kemudian sebahagian dari kaumku akan ada yang turun di lereng gunung, lalu datang orang membawa ternakan mereka dan mendatangi mereka untuk satu keperluan (meminta keperluannya). Mereka berkata: Datanglah lagi kepada kami esok. Maka malam itu Allah menghancurkan mereka, Allah meruntuhkan gunung tersebut dan merubah sebahagian mereka menjadi kera dan babi hingga hari Kiamat".***[1]

**لَيَشْرَبَنَّ نَاسٌ مِنْ أُمَّتِيْ الْخَمْرَ يُسَمُّوْنَهَا بِغَيْرِ اسْمِهَا ، يُضْرَبُ عَلَى رُؤُوْسِهِمْ بِالْمَعَازِفِ وَالْقَيْنَاتِ ، يَخْسِفُ اللهُ بِهِمُ الْأَرْضَ ، وَيَجْعَلُ مِنْهُمُ الْقِرَدَةَ وَالْخَنَازِيرَ.**

***"Akan muncul segolongan umatku yang minum khamar (minuman yang memabukkan seperti arak) dan menamakannya dengan nama yang lain. Mereka berhibur dengan alat-alat muzik***

[1]. H/R Bukhari dalam kitab "Al-Asyribah" dan lihat: Fathul Bari

***(nyanyian) di kepala-kepala mereka dan dengan (nyanyian) para biduanita. Allah akan membenamkan mereka ke dalam bumi dan menjadikan sebahagian mereka sebagai kera dan babi”***.[2]

***“Al-Qainat”*** di hadis ini bermaksud para penyanyi, sama ada penyanyi wanita atau lelaki. Mereka akan ditimpakan berbagai penyakit termasuk yang menyebabkan perubahan kepada muka mereka menjadi monyet atau babi.

لَيَكُوْنَنَّ مِنْ أُمَّتِيْ أَقْوَامٌ يَسْتَحِلُّوْنَ الْحِرَّ ، وَالْحَرِيْرَ ، وَالْخَمْرَ ، وَالْمَعَازِفَ ، وَلَيَنْزِلَنَّ أَقْوَامٌ إِلَى جَنْبِ عِلْمٍ يَرُوْحُ عَلَيْهِمْ بِسَارِحَةٍ لَهُمْ – يَأْتِيْهِمْ – يَعْنِيْ الْفَقِيْرَ لِحَاجَةٍ فَيَقُوْلُوْا : إِرْجِعْ إِلَيْنَا غَدًا فَيُبَيِّتُهُمُ اللهُ وَيَضَعُ الْعِلْمَ وَيَمْسَخُ آخَرِيْنَ قِرَدَةً وَخَنَازِيْرَ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ.

***“Pasti akan terjadi disuatu hari pada kalangan umatku kaum yang menghalalkan perzinahan, sutera, minuman keras dan alat-alat muzik. Dan pasti akan ada kaum yang pergi ke tepi bukit yang tinggi, lalu para pengembala dengan kambingnya mendatangi mereka, lantas berkata: Kembalilah kepada kami esok hari. Kemudian pada malam harinya Allah membinasakan mereka dan menghempapkan bukit itu ke atas mereka, sedang yang lain diubah wajah mereka menjadi monyet dan babi sampai hari kiamat”.***[3]

**Senandung Syaitan** yang berupa muzik, lagu dan nyanyian telah disepakati oleh para ulama Salaf as-Soleh sebagai perbuatan haram dan bid’ah. Semuanya itu adalah kunci pembuka segala maksiat dan kemungkaran berdasarkan hujah:

كَانَ إِبْلِيْسُ أَوَّلَ مَنْ نَاحَ وَأَوَّلَ مَنْ تَغَنَّى.

***“Iblis adalah makhluk terawal (pertama) yang meratap dan menyanyi”.***[4]

---

[2]. H/R Bukhari dalam “At-Tarikh”. Ibn Majah dalam Kitab al-Fitn bab al-Uqubat (2/1333) no. 4020. Disahihkan oleh Al-Albani dalam Sahih al-Jami’ as-Saghir (5/105) no. 5330.

[3]. H/R Bukhari dalam kitab “Al-Asyrabah, bab Maa Jaa Fi Man Yastahillu al-Khamara wa-Yusammihi Bi Ghairi Ismihi. (10/51).

[4]. Lihat: Kasyful Ghithaa’an Hukmi Samma’il Ghinaa. Ibnul Qayyim Al-Jauziyah.

Rasulullah *sallallahu 'alaihi wa-sallam* hanya mengizinkan tangisan tetapi mengharamkan ratapan, nyanyian (termasuk nasyid), muzik dan seruling sebagaimana sabda baginda:

**إِنِّيْ لَمْ أنهُ عَنِ الْبُكَاءِ ، وَلَكِنِّيْ نَهَيْتُ عَنْ صَوْتَيْنِ أَحْمَقَيْنِ فَاجِرَيْنِ : صَوْتٍ عِنْدَ نِعْمَةٍ لَهْوٍ وَلَعْبٍ وَمَزَامِيْرِ الشَّيْطَانِ وَصَوْتٍ عِنْدَ مُصِيْبَةٍ ، لَطْمِ وُجُوْهٍ ، وَشَقِّ جُيُوْبٍ ، وَرَنَّةِ شَيْطَانٍ.**

> ***"Aku tidak melarang kamu menangis, namun yang aku larang adalah dua jenis suara yang buruk lagi didilarang: Suara nyanyian ketika bersenang-senang, bermain-main dengan seruling syaitan (muzik) dan suara ketika terjadi musibah: (Ketika ada kematian) menampar-menampar pipi (muka), merobek-robek pakaian dan laungan syaitan".***[5]

**وَالَّذِيْ بَعَثَنِيْ بِالْحَقِّ ، مَا رَفَعَ رَجُلٌ عَقِيْرَتَهُ بِالْغِنَاءِ إِلاَّ بَعَثَ اللهُ عَزَّ وَجَلَّ عِنْدَ ذَلِكَ شَيْطَانَيْنِ يَرْتَقِيَانِ عَلَى عَاتِقَيْهِ ، ثُمَّ لاَ يَزَالاَنِ يَضْرِبَانِ بِأَرْجُلِهِمَا عَلَى صَدْرِهِ (وَأَشَارَ إِلَى صَدْرِ نَفْسِهِ) حَتَّى يَكُوْنَ هُوَ الَّذِيْ يَسْكُتُ.**

> ***"Demi Zat yang mengutusku dengan kebenaran: Setiap kali seseorang mengangkat suaranya dengan menyanyi, pasti akan Allah utus kepadanya dua syaitan yang menaiki bahunya, kemudian terus sahaja mereka berdua menendang-menendang dadanya dengan kedua kaki mereka, beliau menunjuk ke dada baginda sendiri sehingga orang terdiam sendiri".***[6]

**صَوْتَانِ مَلْعُوْنَانِ فِى الدُّنْيَا وَالآخِرَةِ : مِزْمَارٌ عِنْدَ نِعْمَةٍ وَرَنَّةٌ عِنْدَ مُصِيْبَةٍ.**

> ***"Dua suara yang dilaknat di dunia dan di akhirat: Suara seruling ketika inginkan kenikmatan (bergembira) dan gemerenceng ketika ditimpa musibah".***[7]

**Abdullah bin Masoud** *radiallahu 'anhu* berkata tentang firman Allah:

**وَمِنَ النَّاسِ مَنْ يَشْتَرِيْ لَهْوَ الْحَدِيْثِ لِيُضِلَّ عَنْ سَبِيْلِ اللهِ بِغَيْرِ عِلْمٍ.**

---

[5]. H/R Hakim, Al-Baihaqi, Abu Daud, Al-Ajuri dalam "Tahrimul Nard". Al-Baghawi dalam "Syarhus Sunnah", Ath-Thayalisi dalam "Musnad".

[6]. H/R At-Tabrani dalam "Al-Mu'jamul Kabir (7749).

[7]. Hadis dikeluarkan oleh Al-Bazaar dalam "Musnad".

***"Dan di antara manusia ada orang yang mempergunakan perkataan yang tidak berguna untuk menyesatkan (manusia) dari jalan Allah tanpa pengetahuan".***[8]

Beliau (**Abdullah bin Masoud**) berkata:

***"Demi Allah, yang dimaksudkan oleh ayat tersebut adalah nyanyian".***[9]

**Imam asy-Syafie** *rahimahullah* berkata:

***"Tidak boleh diterima kesaksian penyanyi kerana penyanyi termasuk permainan yang dibenci yang menyerupai kebatilan. Barangsiapa yang menyanyi akan digolongkan sebagai orang yang tidak bermaruah. Barangsiapa yang menyukai lagu (nanyian dan penyanyi) ia tergolong orang tolol".***[10]

**Abu Hanifah** *rahimahullah* menganggap mendengar nyanyian (nasyid) dan muzik termasuk bencana (malapetaka kerana melanggar perkara yang haram. Pent.) sehingga menimpa seseorang.

Inilah mazhab seluruh ulama Kufah seperti **Sufyah ats-Tsauri, Hammad, asy-Sya'bi** yang tidak berselisih antara mereka. Demikian juga para ulama Kota Basrah, mereka sangat membenci lalgu, nasyid dan muzik.[11]

---

[8]. Luqman. 6.
[9]. Lihat: Sunanul Kubra (10/223) Al-Baihaqi. Dan Tafsir al-Qurtubi dalam menafsirkan ayat tersebut.
[10]. Lihat; Kasyful Ghitha 'An-Hukmi Samail Ghina. Ibnu Qaiyim Al-Jauziyah.
[11]. Lihat: Tazkaratul Huffaz (1/252).

# TAGHBIR

Taghbir menurut bahasa ialah mengibas debu. Tetapi taghbir dimaksudkan hal ini ialah mengkhususkan syair-syair untuk dinyanyikan, disenandungkan, ditarikan dan mengoyang-goyangkan badan. Disebut taghbir kerana dalam tarian tersebut dikibas debu atau menabur debu. Untuk penjelasan selanjutnya lihat **Talbisul Iblis** oleh **Ibn Qayim al-Jauzi** hlm.318 dan lihat **Lisanul Arab**.

**Al-Hafiz Abu Musa** *rahimahullah* berkata:

> ***"Dikatakan bahawa taghbir***[12] ***adalah nyanyian, kerana ia boleh menjadikan orang-orang menari-nari sehingga tubuh mereka dipenuhi debu disebabkan hentakan kaki, kaisan kaki dan hemburan tanah"***.[13]

Berkata **Al-Azhari** (taghbir) ialah: Mereka menamakan syair-syair yang mereka nyanyikan kemudian mereka senandungkan dengan istilah *taghbir* kerana apabila mereka bersyair diiringi dengan irama muzik, mereka menggoyang-goyangkan badan dan menari, oleh kerana itu mereka sebut *taghbir*.[14]

Telah dinukil dari **al-Hasan bin Abdul Aziz bin al-Wazir al-Jarawi** *rahimahullah* bahawa **Imam as-Syafie** telah menegaskan:

> ***"Saya temui kaum zindik di Iraq membuat persembahan yang di sebut "Taghbir" (bersenandung dan menari dengan syair). Mereka mengada-adakan qasidah-qasidah yang dicipta oleh golongan orang-orang zindik untuk memalingkan manusia dari al-Quran"***.[15]

[12]. Taghbir menurut bahasa: Mengibaskan debu.
[13]. Lihat: Al-Ansab (12/152). As-San'ani.
[14]. Lihat: Lisanul Arab. Talbis Iblis hlm. 318.
[15]. Lihat: Syiar A'lam an-Nubala hlm 685 dan 318. Amr Ma'ruf Nahi Mungkar hlm. 151. Al-Khallal.

**Imam Ahmad** *rahimahullah* ditanya tentang taghbir, beliau menjawab:

> ***"Taghbir (penyanyi dan nyanyiannya) itu adalah bid'ah, jika engkau bertembung dengan salah seorang dari anggota taghbir maka ambillah jalan yang lain".***[16]

Telah dinukil dari **Ahmad bin Muhammad bin Hani Abu Bakr al-Atsram** *rahimahullah* bahawa beliau mendengar **Imam Ahmad** berkata:

> ***"Taghbir (nyanyian atau lagu) itu adalah perbuatan bid'ah"***.[17]

**Al-Khallal** menukil dari **Yazid bin Harun** bahawa beliau berkata:

> ***"Hanya orang fasik sahaja yang mahu melakukan taghbir. Kerana sebenarnya taghbir itu baru muncul (bid'ah)".***[18]

Beliau juga berkata:

> ***"Hanya orang fasik sahajalah yang melakukan nyanyian di kalangan kami".***[19]

[16]. Lihat: Amar Ma'Ruf Nahi Mungkar. Hlm. 151. Oleh Al-Khallal.
[17]. Lihat: Tarikh Bahdad (5/128).
[18]. Amar Ma'ruf Nahi Mungkar hlm. 152. Oleh Al-Khallal.
[19]. Lihat: Taqrib at-Tahzib. (1/60).

# AS-SAMA' DAN QAWALI

***As-Sama'*** adalah sejenis muzik dan lagu (nyanyian) beraliran sufisme. Kebiasannya dimainkan oleh kaum-kaum sufi yang disebut juga dengan panggilan ***qawali***. Namun Istilah *as-sama'* ini juga digunakan secara umum untuk semua jenis nyanyian (muzik dan lagu).

**Qadhi Abul Hasan al-Qassar al-Malakiyah** berkata:

> ***"Imam Malik ditanya tentang hukum as-sama' (nyanyian), beliau menjawab: "Tidak boleh". Kemudian ditanyakan kepada beliau bahawa di Madinah terdapat beberapa orang yang mendengarkan as-sama'? Beliau menjawab: Hanya orang fasik sahaja yang melakukannya sedangkan Allah berfirman:***
>
> فَمَاذَا بَعْدَ الْحَقِّ إِلاَّ الضَّلاَلُ.
>
> ***"Maka tidak ada sesudah kebenaran itu, melainkan kesesatan".***[20]

Kemudian **Imam Malik** menegaskan:

> ***"Apakah nyanyian itu termasuk kebenaran? Maka si penanya berkata: Tentu sahaja tidak".***[21]

[20]. Yunus. 32.
[21]. Lihat: Tarikh Baghdad 12/41).

# NYANYIAN ARMAD

Yang dimaksudkan dengan *armad* ialah penyanyi yang terdiri dari anak lelaki yang belum tumbuh janggut. Ia diharamkan oleh Imam asy-Syafie. Wajar dimaklumi bahawa Imam asy-Syafie bukanlah mengharamkan membaca syair-syair yang membawa dan memberi semangat tetapi yang diharamkan ialah syair-syair yang diiringi dengan tarian, penggunaan alat-alat muzik, senandung serta irama muzik yang dinyanyikan oleh *armad*, dihadiri juga oleh para wanita sebagaimana yang dilakukan oleh kaum-kaum tarekat kesufian sehingga menimbulkan syahwat.

Ketegasan **Imam asy-Syafie** dikuatkan oleh ucapan **Baqiyah bin Walid bin Shaaid bin Ka'ab al-Kala'i Abu Huhmid al-Himshi** apabila memperkatakan tentang nyanyian *amrad* beliau berkata bahawa dari nyanyian tersebut boleh berlaku dan menimbulkan:

> ***"(Dengan armad) maka berlaku homoseksual. Ia bermula dengan tiga tingkatan: Pertama: Memandang. Kedua: Berjabat tangan. Dan ketiga: Melakukan perbuatan keji tersebut".***[22]

Ucapan di atas ada dasarnya iaitu sebuah hadis:

**إِذَا اسْتَحَلَّتْ أُمَّتِيْ سِتًّا فَعَلَيْهِمُ الدِّمَارُ : إِذَا ظَهَرَ فِيْهِمُ التَّلاَعُنُ ، وَشَرْبُوا الْخُمُوْرَ ، وَلَبْسُوا الْحَرِيْرَ، وَاتَّخُذُوْا الْقِيَانَ ، وَاكْتَفَى الرِّجَالُ بِالرِّجَالِ ، وَالنِّسَاءُ بِالنِّسَاءِ.**

> ***"Apabila umatku menghalalkan enam perkara, maka mereka pasti akan hancur: Apabila mereka sudah saling melaknat, apabila mereka sudah meminum minuman keras, apabila mereka sudah memakai sutera, mengundang penyanyi, kaum lelaki akan melakukan seks sesama lelaki dan perempuan dengan sesama perempuan".***[23]

---

[22]. Lihat: Ihya Ulumuddin 3/103). Al-Ghazali.
[23]. H/R At-Tabrani dalam "Al-Mu'jamul Awsath" (1060). Al-Baihaqi dalam "Syuabul Iman (377).

Para ulama muktabar tiada kompromi dalam pengharamannya terhadap lagu, nyanyian, nasyid dan muzik. Antara para ulama yang paling jelas mengharamkan muzik, lagu dan nyanyian terdiri dari:

1. Berkata **Qadi al-Qudaat Taqiyuddin as-Subki (756H)**[24]:

> ***"Lagu (nyanyian) termasuk kemungkaran dan bid'ah. Sama sekali tidak pernah disalin walau dari seorang nabi malah tidak termaktub di dalam kitab-kitab suci yang telah diturunkan oleh Allah**. **Lagu (nyanyian dan muzik) adalah amalan jahiliyah dan para syaitan. Imam asy-Syafie tidak menghalalkan lagu (muzik/nyanyian) dan percampuran bebas antara lelaki dengan wanita kerana semuanya itu merupakan kemungkaran yang wajib dicegah"***.[25]

3. Menurut **Syeikh Taqiyuddin Abu Amru bin Soleh** (yang bermazhab **as-Syafie**) beliau berkata:

> ***"Hendaklah diketahui bahawa apabila rebana (kompang) dipalu dengan diiringi bersama tiupan seruling dan nyanyian berpadu jadi satu, maka hukum mendengarkannya adalah haram menurut kesepakatan keempat imam mazhab".***[26]

4. Berkata Ibnu Katsir *rahimahullah*:

> ***"Cukuplah Allah sebagai pelindungku dan Dia adalah sebaik-baik pelindung, sesungguhnya memainkan alat-alat muzik dan mendengarkannya hukumnya haram. Sebagaimana yang telah dijelaskan di dalam beberapa hadis Nabi, antaranya adalah hadis yang diriwayatkan oleh Abdulrahman bin Ghanim al-Asy'ari".***[27]

5. **Imam Malik** *rahimahullah* telah ditanya oleh Ishaq bin Isa at-Thabba' perihal adanya beberapa orang penduduk Madinah yang menyanyi, beliau bertegas:

> ***"Para penyanyi tersebut adalah orang-orang yang fasik".***[28]

---

[24]. Dinukil dari Kasyful Ghita'an Hukmi Sama'il Ghina. Ibnul Qayyim al-Jauziyah.
[25]. Lihat: Kasyful Ghita'an Hukmi Sama'il Ghina.
[26]. Lihat: Siyar A'lamu an-Nubala.
[27]. Lihat: Wafayatul A'yan (3/243).
[28]. Lihat: Talbis Iblis hlm. 317.

**Imam Malik** juga mengharamkan nyanyian dan mengharamkan juga mendengarkan nyanyian. Beliau berkata:

> ***"Jika ia membeli hamba wanita ternyata didapati dia seorang penyanyi, maka ia boleh mengembalikannya dengan alasan ada kecacatannya (iaitu penyanyi)"***.[29]

**Al-Imam al-Hafiz al-Allamah al-Faqeh Syeikh Abu Bakr Ahmad al-Khalal** menukil dari **Makhul asy-Syami Abu Abdillah** beliau berkata:

> ***"Barangsiapa mati sedang ia memiliki penyanyi wanita, maka kami tidak akan mensolatkan janazahnya".***[30]

6. **Abdullah bin Ahmad bin Hambal** *rahimahullah* berkata:

> ***"Saya pernah bertanya kepada ayah saya tentang hukum nyanyian, beliau menjawab: Nyanyian itu boleh menumbuhkan benih kemunafikan di dalam hati dan saya membencinya".***[31]. [32]

**Rasulullah** *sallallahu 'alaihi wassalam* bersabda:

**إِنَّ الْغِنَاءَ يُنْبِتُ النِّفَاقَ فِى الْقَلْبِ كَمَا يُنْبِتُ الْمَاءُ الزَّرْعَ ، وَالذِّكْرُ يُنْبِتُ الْإِيْمَانَ فِى الْقَلْبِ كَمَا يُنْبِتُ الْمَاءُ الزَّرْعَ.**

> ***"Sesungguhnya nyanyian itu boleh menumbuhkan kemunafikan di dalam hati sebagaimana air menumbuhkan tanaman. Sementara zikir itu boleh menumbuhkan keimanan di dalam hati sebagaimana air menumbuhkan tanaman".***[33]

7. Berkata **Qadi al-Qudhaat Abu Yusuf Ya'kub bin Ibrahim** *rahimahullah* (sahabat Abu Hanifah) tentang Ahli Zimmah:

> ***"Mereka diharamkan dari memainkan seruling, memetik kecapi, menyanyi, memalu kompang dan gendang".***[34]

---

[29]. Lihat: Talbisul Iblis. Hlm. 317. Ibnul Qaiyim.
[30]. Lihat: Amar Ma'ruf Nahi Mungkar hlm. 144. Al-Khalal.
[31]. Lihat: Masaail Imam Ahmad bin Hambal hlm. 316.
[32]. Lihat: Mughni (10?346). Ibnu Qudamah.
[33]. Lihat: Tahrim Alat at-Tharab. Al-Albani. Dan Qadrish Solah 11/151 dengan sanad yang baik.
[34]. Lihat: Siyar A'lam An-Nubala hlm. 491.

8. Ahmad bin Muhammad Abul Haris As-Shaigh berkata: Aku pernah bertanya kepada Imam Ahmad:

> ***"Sesungguhnya lagu (nyanyian) itu boleh melunakkan hati. Beliau berkata: Ia tetap bidaah. Beliau membenci lagu (nyanyian) dan melarang dari mendengarkannya".***[35]

Lagu-lagu dan nyanyian dipenuhi dengan kata-kata sia-sia, kebohongan dan ada kalanya lucah, asmara, cinta berahi dan dusta terhadap Allah. Allah telah mengharamkan semuanya itu dan Dia berfirman:

وَاجْتَنِبُوْا قَوْلَ الزُّوْرِ.

***"Dan jauhilah perkataan-perkataan dusta"***.[36]

9. **Abdullah bin Daud bin Amir al-Hamdani Abu Abdurrahman al-Khureibi** (213H) berkata:

> ***"Menurutku orang yang mendendangkan nyanyian (lagu) sepatutnya disebat".***[37]

Imam **asy-Syafie** *rahimahullah* berkata:

> ***"Sebenarnya alat-alat muzik itu direka-cipta oleh orang-orang zindik".***[38]

Berkata **Abdullah bin Abbas** *radiallahu 'anhu*:

الدَّفُّ حَرَامٌ ، وَالْمَعَازِفُ حَرَامٌ ، وَالْكُوْبَةٌ حَرَامٌ ، وَالْمِزْمَارُ حَرَامٌ.

> ***"Rebana itu haram, alat-alat muzik itu haram, gendang itu haram dan seruling itu haram".***[39]

---

35. Ibid.
36. Al-Hajj. 30.
37. Lihat: Tazkiratul Huffaz. (1/337). Thabaqat al-Huffaz hlm. 116. As- Suyuti.
38. Lihat:Talbisul Iblis. Hlm. 318.
39. Dikeluarkan oleh Al-Baihaqi (222).

Syariat Islamiyah sejak zaman para sahabat telah mengharamkan semua jenis lagu dan nyanyian serta alat-alat muzik, kerana ia termasuk **(لهو الحديث)** *"perkataan yang tidak berguna"* yang telah dibawakan dalil tentang pengharamannya. Antaranya dalil-dalilnya ialah sabda Rasulullah *sallallahu 'alaihi wassalam*:

**إِنَّ اللهَ حَرَّمَ الْقَيْنَةَ وبَيْعَهَا ، وَثَمَنَهَا ، وَتَعْلِيْمَهَا ثُمَّ قَرَأَ (وَمِنَّ النَّاسِ مَنْ يشْتَرِيْ لَهْوَ الْحَدِيْثِ لِيُضِلَّ عَنْ سَبِيْلِ اللهِ).**

***"Sesungguhnya Allah telah mengharamkan para penyanyi hamba (budak penyanyi), hasil dari penjualannya, mengajarkan menyanyi dan mendengar nyanyiannya. Lalu baginda membacakan ayat: (Dan diantara manusia ada orang yang mempergunakan perkataan yang tidak berguna)".***[40]

Allah '*Azza wa-Jalla* telah memerintahkan orang-orang yang beriman agar meninggalkan **(لَهْو الحديث)** *"perkataan yang tidak berguna"* sebagaimana firmanya:

**وَذَرِ الَّذِيْنَ اتَّخَذُوْا دِيْنَهُمْ لَعِبًا وَلَهْوًا.**

***"Dan tinggalkanlah orang-orang yang menjadikan agama mereka sebagai main-main dan sebagai perkataan yang tidak berguna (main-main dan senda gurau)".***[41]

[40]. Dikeluarkan oleh Ibnu Mardawweih dalam "Ad-Durr al-Mantsur".
[41]. Al-An'am. 70.

# DALIL-DALIL PENGHARAMAN LAGU DAN MUZIK

إِنَّ اللهَ حَرَّمَ الْخَمْرَ وَالْمَيْسِرَ وَالْكُوْبَةَ وَكُلُّ مُسْكِرٍ حَرَامٌ.

***"Sesungguhnya Allah telah mengharamkan minuman yang memabukkan, judi, gendang dan segala yang memabukkan adalah haram".***[42]

إِنَّ اللهَ عَزَّ وَجَلَّ حَرَّمَ الْخَمْرَ ، وَالْمَيْسِرَ ، وَالكُوْبَةَ ، وَالْغُبَيْرَاء ، وَكَلُّ مُسْكِرٍ حَرَامٌ.

***"Sesungguhnya Allah telah mengharamkan khamar (yang memabukkan), perjudian, gendang, minuman yang memabukkan dan setiap yang memabukkan adalah haram".***[43]

إِنَّ رَبِّيْ حَرَّمَ عَلَيَّ الْخَمْرَ وَالْمَسْسِرَ وَالْكُوْبَةَ وَالْقِنِّيْنَ.

***"Sesungguhnya Tuhanku telah mengharamkan ke atasku arak, perjudian, gendang dan mandolin (sejenis gitar kecil)"***.[44]

إِنَّ رَبِّيْ حَرَّمَ عَلَى أُمَّتِيْ الْخَمْرَ ، وَالْمَيْسِرَ ، وَالْمِزْرَ، وَالْكُوْبَةَ ، وَالْقِنِّيْنَ ، وَزَادَنِيْ صَلاَةَ الْوِتْر.

---

[42]. H/R Abu Daud, Al-Baihaqi, Ahmad, Ibnu Hibban dan At-Tabari.
[43]. H/R Abu Daud (3685). Al-Baihaqi (221). Ahmad (158). At-Tahawi (325).
[44]. H/R Al-Baihaqi (222). Ahmad (172).

***"Sesungguhnya Allah telah mengharamkan ke atas umatku minuman keras, perjudian, mizr (jenis minuman yang memabukkan), gendang, mandolin serta menambah bagiku kewajipan solat witir".***[45]

**إِنَّ اللهَ حَرَّمَ عَلَيَّ الْخَمْرَ ، وَالْكُوْبَةَ ، وَالْقِنِّيْنَ ، وَإِيَّاكُمْ وَالْغُبَيْرَاءَ فَإِنَّهَا ثُلُثُ الْخَمْرِ فِى الْعَالَمِ.**

***"Sesungguhnya Allah telah mengharamkan ke atasku minuman keras, gendang dan hindarilah minuman yang memabukkan, sesungguhnya ia adalah sepertiga minuman keras di dunia".***[46]

**يَكُوْنُ فِى أُمَّتِيْ قَذْفٌ ، وَمَسْخٌ ، وَخَسَفٌ ، قِيْلَ : يَارَسُوْلَ اللهِ ! وَمَتَى ذَلِكَ ؟ قَالَ : إِذَا ظَهَرَتِ الْمَعَازِفُ وَالْقِيَانُ وَشُرِبَتِ الْخُمُوْرِ.**

***"Akan terjadi pada umatku kelak pengubahan bentuk mereka dan pembenaman tempat tinggal mereka (tertimbus atau ditelan bumi). Mereka bertanya, wahai Rasulullah bilakah itu akan terjadi? Baginda menjawab: Apabila alat-alat muzik dan para penyanyi telah menguasai masyarakat dan banyak orang yang minum minuman yang memabukkan".***[47]

**فِى هَذِهِ الأُمَّةِ خَسَفٌ ، وَمَسْخٌ ، فَقَالَ رَجُلٌ مِنَ الْمُسْلِمِيْنَ : يَا رَسُوْلَ اللهِ وَمَتَى ذَلِكَ ؟ قَالَ : إِذَا ظَهَرَتِ الْقِيَانُ ، وَالْمَعَازِفُ ، وَشُرِبَتِ الْخُمُوْرِ.**

***"Pada umat ini akan terjadi tanah lungsur, perubahan bentuk muka dan rusuhan. Maka seorang dari kaum Muslimin bertanya: Wahai Rasulullah bilakah terjadinya hal itu? Baginda menjawab: Apabila di sana-sini telah ramai para penyanyi, alat-alat muzik dan khamar menjadi minuman".***[48]

---

[45]. H/R Ahmad dalam "Musnad". (165). At-Tabrani dalam "Al-Mu'jamul Kabir (127).
[46]. H/R Ahmad (422). At-Tabrani dalam "Maj'muk al-Kabir". (352). Al-Baihaqi Ibnu Abi Syaibah dalam "Al-Asyribah (4132).
[47]. H/R At-Tirmizi dalam "Al-Fitan" (2213).
[48]. H/R Tirmizi dalam Adwab al-Fitan (458). Disahihkan oleh Al-Albani, lihat: sahih al-Jami' as-Saghir (103). No 4119.

**لَيُمْسَخَنَّ قَوْمٌ وَهُمْ عَلَى أَرِيْكَتِهِمْ قِرَدَةً وَخَنَازِيْرَ ، لِشُرْبِهِمُ الخَمْرَ ، وَضَرْبِهِمْ بِالْبَرَابِطِ وَالْقِيَانِ.**

***"Pada suatu masa akan ada kaum yang akan dirubah bentuk mereka, sementara mereka masih berada di atas tempat rehat mereka, mereka menjadi kera dan babi kerana mereka minum minuman keras dan memainkan seruling dan mendatangkan penyanyi".*** [49]

**يَكُوْنُ فِي آخِرِ أُمَّتِيْ الْخَسَفُ ، وَالقَذْفُ ، وَالْمَسْخُ . قَالُوْا : بِمَ يَا رَسُوْلَ اللهِ ؟ قَالَ : بِاتِّخَاذِهِمُ الْقَيْنَاتِ ، وَشُرْبِهِمُ الْخُمُوْرِ.**

***"Akan terjadi di akhir zaman pada umatku fitnah, pembenaman (disedut atau ditimpa bumi) dan merubah bentuk. Para sahabat bertanya: Mengapa terjadi demikian wahai Rasulullah? Baginda menjawab: Kerana mereka mengundang penyanyi dan minum minuman yang memabukkan (arak)".*** [50]

**سَيَكُوْنُ فِي آخِرِ الزَّمَانِ خَسَفٌ ، وَقَذْفٌ ، وَمَسْخٌ ، قِيْلَ وَمَتَى ذٰلِكَ يَا رَسُوْلَ اللهِ ؟ قَالَ : إِذَا ظَهَرَتِ الْمَعَازِفُ وَالْقَيْنَاتُ.**

***"Akan terjadi di akhir zaman tanah lungsur, kerusuhan dan perubahan muka. Ada yang bertanya: Bilakah hal tersebut berlaku wahai Rasulullah? Baginda menjawab: Apabila telah berleluasa bunyi-bunyian muzik dan ramainya para penyanyi wanita".*** [51]

**لُعِنَ الْمُغَنِّى وَالمُغَنَّى لَهُ.**

***"Dilaknat si penyanyi dan yang mendengarkan nyanyian".*** [52]

---

[49]. H/R Ibnu Abi Dunya. Ibnu Abi Asakir dan "Tarikh Dimasyq" (582.

[50]. Hadis dikeluarkan oleh Ibn Asakir dalam "At-Tarikh" (124). At-Tabrani dalan "Al-Awasath" (6910).

[51]. H/R Ibnu Majah (2/1350). At-Tabrani . Al-Albani berkata hadis sahih. Lihat: Al-Jami as-Sagir (3/216). No. 3559.

[52]. H/R Ibn Hibban dan disahihkan olehnya.

# ADA YANG MENGHALALKAN MUZIK

Ada sebahagian mereka yang menghalalkan muzik dan lagu (nyanyian) berpandukan hadis dari **Al-Imam al-Hafiz al-Allamah al-Faqih Syeikh Abu Bakr Ahmad bin Muhammad bin Harun bin Yazid al-Baghdadi al-Khallal** berkata: Ahmad bin al-Faraj al-Hims menceritakan kepadaku dari Yahya bin Sa'id dari Abu Uqail dari Buhayyah dari 'Aisyah *radiallahu anha* ia berkata:

> ***"Dahulu ada seorang gadis yatim dari suku Ansar di rumahku, lalu kami nikahkan ia dengan seorang pemuda dari suku Ansar. Saya termasuk salah seorang pengiring yang menghantarnya ke rumah calon suaminya. Rasulullah sallallahu 'alaihi wassalam bersabda: Wahai 'Aisyah, sesungguhnya kaum Ansar adalah kaum yang menyukai keramaian, ada (apa-apa ucapan) yang kamu katakan (semasa menyambut keramaian)? 'Aisyah berkata: Kami mendoakan keberkatan bagi kedua mempelai kemudian pulang. Rasulullah sallallahu 'alaihi wassalam bersabda: Mengapa tidak kamu katakan:***
>
> *Kami datang, kami datang,*
> *ucapkanlah selamat kepada kami,*
> *kami akan ucapkan selamat kepada kamu,*
> *kalaulah kalau tidak dikeranakan emas permata,*
> *tidaklah halal bagi kami sahara kalian,*
> *kalaulah bukan kerana kurma yang ranum,*
> *tidaklah kenyang gadis-gadis kamu".*[53]

Menjadikan hadis ini sebagai hujah untuk menghalalkan perkara keji iaitu lagu, nyanyian dan muzik, maka ia adalah bertentangan dengan hukum syarak. Hadis ini bukan memperkatakan tentang nyanyian malah yang jelas nyanyian itu dianggap keji dan dosa.

[53]. H/R Ahmad dalam Musnad (3/391). Al-Baihaqi dalam Sunanul Kubra (289). Ibn Majah (1900). Hadis ini dinyatakan lemah oleh Al-Albani dalam Dhaif Sunan Ibn Majah, tetapi dihasankan di dalam Irwaul Ghalil (1995).